

JABATAN PERTANIAN BRUNEI SENTIASA MENULONG PELADANG2 BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA

KILANAS. — Sa-ramai 12 orang ahli2 Persatuan Peladang dari Kampong Rambai, Tutong, telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an Kilanas pada pagi hari Ithnin 7 Februari, 1966.

Dalam lawatan itu mereka telah di-beri peluang melawat ka-tempat2 perchubaaan ternakan dan berbagai2 jenis tanam-
an dan sambil itu mereka di-beri tahu oleh pegawai2 pertanian bagaimana h e n d a k mengusahakan-nya.

Lawatan tersebut telah di-ketuai oleh Ketua Kampong Rambai, Yang Mulia Dato Kurnia Diraja Awang Gadong.

Sa-belum lawatan itu di-adakan, mereka telah meng-hadhiri satu kursus sangat mengenai pertanian sa-lama lima hari di-Kampong Ram-bai dan dalam kursus itu me-reka telah di-beri sharahan2 oleh pegawai2 dari Jabatan Pertanian Brunei.

Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dalam ucapan mengalu2kan la-watan mereka itu telah mene-gaskan bahawa ini-lah yang ju-long2 kali-nya ahli2 Persatuan Peladang telah menunjokkan hasrat mereka untuk benar2 me-luaskan pengetahuan dalam bidang pertanian.

"Ini," kata-nya, "ada-lah satu langkah yang baik dan Jabatan Pertanian sentiasa memberi peluang kepada me-reka untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian bagi meninggikan taraf hidup mereka di-masa ha-dapan."

Selanjut-nya beliau mene-gaskan bahawa dalam jangka

tidak berapa lama lagi ahli2 Persatuan Peladang yang ber-kelayakan akan di-hantar ke-luar negeri untuk meninjau sambil belajar mengenai gerak-an persatuan2 peladang dan perkembangan2 luar bandar.

Pengiran Damit menegaskan bahawa tahun 1966 ada-lah merupakan tahun langkah ba-ru bagi Jabatan Pertanian Bru-nei dalam memupok ahli2 Per-satuan Peladang khas-nya dan ra'ayat negeri ini umum-nya supaya mempelajari sa-chara meluas dalam bidang petanian.

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu*



Jawatan Kuasa Derma Hari Raya untuk Anak2 Yatim, Kanak2 Sakit di-Rumah Sakit Besar Brunei dan Banduan2 serta Jawatan Kuasa Perkhid-matan Masharakat, Klab Rotary Antara Bangsa, Brunei, telah mengadakan satu majlis bersama mera'ikan kanak2 yang sakit di-Rumah Sakit Besar, Brunei, menyambut Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru China baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin yang telah beruchap di-majlis itu dengan sifat beliau sa-bagai Pengerusi kedua2 Jawatan Kuasa tersebut. Dalam ucapan be-liau, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada Pemangku Pegawai Per-ubatan Negara Brunei, Doktor I. G. Singh dan anggota2 Rumah Sakit Besar Brunei serta juga Ahli2 Jawatan Kuasa kedua2 Badan tersebut yang telah bekerjasama bagi menjayakan majlis itu. Dudok dalam gambar ini ia-lah Penolong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China, Awang Hong Kok Tin yang telah menyampaikan hadiah2 kepada kanak2 yang sakit di-majlis tersebut.

Latehan Menembak Di-Perkhemahan Berakas

BERAKAS. — Sa-buah Padang Tembak telah di-adakan untuk me-nembak dengan senjata2 ringan, se-napang2 jentera, arah ka-laut dari pantai di-Perkhemahan Berakas, Brunei.

(a) Kemunchak Kawasan Tem-bak itu ia-lah di-siring pantai Perkhemahan Berakas, letak-nya di-Garisan Lintang 4° 59' 58" Utara, Garisan Bujur 114° 55' 38" Timor.

(b) Dari (a) ka-arrah 275° tetap sa-jauh 8,500 ela.

(c) Dari (a) ka-arrah 25° tetap sa-jauh 8,500 ela.

(d) Dari sana menjadi suatu lengkok bulatan di-antara (b) dan (c) di-dalam lengkongan jari-jari 8,500 ela panjang dari kemunchak di-(a).

Waktu menembak ia-lah hari Thalatha dan Juma'at tiap2 minggu

di-antara pukul 9 pagi dan 12 tengah hari waktu tempatan.

AMARAN KEPADA ORANG2 KAPAL

Orang2 kapal ada-lah di-beri amaran bahawa latehan menembak akan di-jalankan di-Padang Tem-bak Perkhemahan Berakas pada tiap2 hari Thalatha dan Juma'at di-antara pukul 9 pagi dan 12 tengah hari waktu tempatan di-dalam bu-lan ini.

PERTUKARAN KADZI - KADZI

BANDAR BRUNEI. — Per-tukaran Kadzi2 mulai pada pertengahan bulan Januari, 1966, ada-lah saperti berikut:

Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali, Kadzi Daerah Tutong, di-lantek men-jadi Kadzi Daerah Brunei dan

Muara.

Yang Dimuliakan Mudim Haji Adenan, Kadzi Daerah Belait di-lantek menjadi Kadzi Daerah Tutong.

Awang Abang Razalli bin Haji Zainuddin, Kadzi Daerah Brunei dan Muara di-lantek menjadi Kadzi Daerah Tembu-rong.

Awang Ishak bin Adam, Kadzi Daerah Temburong di-lantek menjadi Kadzi Daerah Belait.

Pendaftaran Kad2 Pengenalan Berakhir Pada 28 Februari 1966

BANDAR BRUNEI. — Pendaftar-an Kad2 Pengenalan untuk orang2 yang tinggal di-Negeri Brunei akan berakhir pada 28 Februari, 1966 — ia-itu sa-tahun sa-lepas pendaftaran Kad2 Pengenalan itu di-mulai.

Mulai dari 1 Mach, 1966, pen-duduk2 negeri ini yang tidak dapat menunjokkan Kad2 Pengenalan

mereka apabila di-kehendaki oleh pehak2 yang berkenaan akan di-dapati salah dan boleh di-hukum.

Oleh itu, penduduk2 negeri ini yang belum lagi mempunyai Kad2 Pengenalan, ada-lah di-nasehatkan supaya mendaftarkan nama2 me-reka dan sa-bagai-nya di-Pejabat

Pendaftaran, Jalan Kianggeh, Ban-dar Brunei, sa-belum 28 Februari, 1966.

Selain dari Pejabat Pendaftaran di-Bandar Brunei, Kad2 Pengenal-an itu boleh juga di-perolehi dari Chawangan2 Pejabat Pendaftaran di-Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong.

PESTA PAMIRAN LUKISAN NEGARA2 COMMONWEALTH

Penuntut2 Brunei Berjaya

BANDAR BRUNEI. — Dalam Pesta Pamiran "Lukisan Kanak2 dari Negara2 Commonwealth" yang telah diadakan di-Royal College of Art, London dan Cardiff dari 16 September hingga 16 Oktober, 1965, penuntut2 yang di-sebutkan di-bawah ini telah berjaya memenangi beberapa hadiah lukisan dan kepujian dalam pamiran tersebut.

Dengan ini Jabatan Pelajaran mengucapkan sa-tinggi2 tahniah di-atas kejayaan ini.

Nama penuntut2 itu ia-lah:

Bil.	Nama	Sekolah/Maktab	Tajuk Lukisan
1.	Abd. Ghani b. Ahmad	Maktab SOAS Brunei	Kampong Nelayan.
2.	Abd. Ghani b. Ahmad	Maktab SOAS Brunei	Penjaja dan Perahu-nya.
3.	Md. Daud b. Arshad	Ahmad Tajuddin, Kuala Belait	Penoreh Getah.
4.	Armah bt. Haji Dayang	STPRI Brunei	Bunga dalam Pasu.
5.	Hamdan b. H. Hashim	Maktab SOAS Brunei	Tetangga Kita.
6.	Zaini b. Haji Karim	Maktab SOAS Brunei	Jalan Residency.
7.	Chung Kuang Ann	Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei	Kampong Ayer.
8.	Koh Bee Lian	Maktab SOAS Brunei	Satu Pertunjukan Wayang Gambar.
9.	Mauh bin Malang	Ahmad Tajuddin, Kuala Belait	Pasar Tempatan.
10.	Md. Ali b. Haji Awang Chee	Maktab SOAS Brunei	Brunei.
11.	Dk. Mawarti bt. P. Hj. Abd. Momin	STPRI Brunei	Menchuchi Kain.
12.	Ak. Othman bin P. Omar	Maktab SOAS Brunei	Rumah Petani di-waktu Senja.
13.	Ak. Othman bin P. Omar	Maktab SOAS Brunei	Subok.
14.	Ak. Othman bin P. Omar	Maktab SOAS Brunei	Rumah2 Nelayan.
15.	A. Bakar Rahman	Maktab SOAS Brunei	Sa-bahagian daripada Bangunan Sekolah Kami.
16.	Tan Yook Taw	STPRI Brunei	Dua orang Gadis.
17.	Md. Ali Abana	SMJA, Brunei	Alatan Sekolah
18.	Sharbanun binte Abdi Manaf	SMJA, Brunei	Pekeria Kilang Papan.
19.	Hamdi b. Md. Niah	Muhammad Alam. Seria	Pasar.
20.	Dk. Mahani binte P. Haji Wahab	STPRI Brunei	Berkebun.
21.	Md. Saleh b. Haji Md. Yasin	Maktab SOAS Brunei	Mengangkut Batu.
22.	Wahab bin Zakiah	Ahmad Tajuddin, Kuala Belait	Pelabohan.

Pembahagian Sekolah2 Melayu Daerah Tutong

BANDAR BRUNEI — Oleh sebab bertambah banyak-nya Sekolah2 Melayu di-Daerah Tutong maka mulai dari 1 Januari, 1966 Sekolah2 Melayu di-daerah ini di-bahagi kepada dua bahagian, seperti berikut:

(A) TUTONG I

1. Muda Hashim; 2. Penanjong; 3. Keriam; 4. Bukit Panggal; 5. Sinaut; 6. Kupang; 7. Birau; 8. Bekiau; 9. Kiudang; 10. Lamunin; 11. Kampong Menengah; 12. Batang Mitus.

(B) TUTONG II

1. Pengiran Muda Mahkota; 2. Bukit Udai; 3. Tanjong Maya; 4. Layong; 5. Pan-chong; 6. Ukong; 7. Rambai; 8. Kampong Bukit; 9. Benu-tan; 10. Supon; 11. Belabau.

PERTUKARAN GURU GURU BESAR

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 1 Februari, 1966, guru2 yang tersebut nama-nya dalam Siaran ini di-atorkan bertukar ka-sekolah2 yang berikut, Sa-belum meninggalkan sekolah tempat mengajar hendak-lah serahkan tanggung-jawab masing2 kepada Guru Besar atau wakil-nya dengan sempurna.

Nama guru2 itu ada-lah seperti berikut:

1. Sabtu bin Muhammad dari Sekolah SMJA ka-Sekolah Menengah Melayu menjadi Penolong Pengetua S.M. Melayu; 2. Muhammad bin Jaafar dari Sekolah Lela Menchanai ka-Sekolah Ahmad Tajuddin menjadi Guru Besar; 3. A. Ludin bin Hashim dari Sekolah Sungai Kebun ka-Sekolah Muda Hashim menjadi Guru Besar; 4. P. Besar bin P. Ahmad dari Sekolah Sultan Hasan Bangar ka-Sekolah SMJA menjadi Guru Besar; 5. Bol-Hasan bin D. Petinggi dari Sekolah Muda Hashim ka-Sekolah Sultan Hasan Bangar menjadi Guru Besar; 6. P. Besar bin P. Apang dari Kiudang ka-Sekolah Sungai Kebun menjadi Guru Besar; 7. A. Othman bin P. P. Indra dari Sekolah Pintu Malim ka-Sekolah Lela Menchanai menjadi Guru Besar; 8. Abd. Rahman bin Jaafar dari Sekolah SMJA ka-Sekolah Gadong menjadi Guru Besar; 9. A. Tuah bin Haji Hitam dari Sekolah Sungai Hanching ka-Sekolah B. S. Bunut menjadi Guru Besar; 10. Md. Hasan bin Sunggoh dari Sekolah B.S. Bunut ka-Sekolah Sungai Hanching menjadi Guru Besar; 11. H. Abd. Hamid bin Ya'akub dari Sekolah Lumapas ka-Sekolah Pintu Malim menjadi Guru Besar; 12. Abd. Hamid bin A. Othman dari Sekolah Sungai Liang ka-Sekolah A. P. Burong Pingai Baru menjadi Guru Besar; 13. Suhaili bin Abun dari Sekolah Bukit Sawat ka-Sekolah Sungai Liang menjadi Guru Besar; 14. Metamit bin Iradat dari Sekolah Danau ka-Sekolah Kiudang menjadi Guru Besar; 15. Md. Yunus bin Abu Bakar dari Sekolah Muhammad Alam ka-Sekolah Labi menjadi Guru Besar; 16. P. A. Bakar bin P. M. Salleh dari Sekolah Lamunin ka-Sekolah Lamunin menjadi Guru Besar; 17. Muhammad bin Akbar dari Sekolah Sungai Kebun ka-Sekolah OKSB Kilanas menjadi Guru Besar; 18. Abu Bakar bin Muhammad dari Sekolah Telisai ka-Sekolah Telisai menjadi Guru Besar; 19. Abdul Latif bin Talif dari Sekolah Telisai ka-Sekolah Danau menjadi Guru Besar; 20. P. Umar bin P. H. Sulaiman dari Sekolah Dato Gandi ka-Sekolah Lumapas menjadi Guru Besar; 21. Md. Yusuf bin Gumbol dari Sekolah

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 Februari hingga ka-hari Selasa 15 Februari, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
9	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
10	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
11	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
12	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
13	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
14	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Majlis Pembukaan Rasmi Badan

Perkembangan Bahasa Dan Budaya

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan pembukaan rasmi Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Brunei akan di-adakan pada hari Juma'at 11 Februari, 1966, mulai jam 8.30 pagi bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

Tujuan di-adakan perjumpaan tersebut ia-lah:

(a) Penerangan dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil mengenai Dasar dan Tujuan Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Brunei dan sa-terus-nya beliau akan melaksanakan

pembukaan rasmi Badan itu.

(b) Membahagikan kepada kumpulan peserta2 yang akan menyediakan bahan2 perbincangan akan datang.

(c) Lain2 hal.

Semua anggota Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Brunei dan orang2 yang ingin memasoki Badan ini adalah dengan hormat-nya di-jemput hadir. Demikian menurut satu Surat Keliling Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang di-tanda tangani oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil dan oleh Setia Usaha B.P.B. B.B., Awang Mahmud Bakyr.

Masin ka-Sekolah Pengkalan Batu menjadi Guru Besar; 22. Mohiddin bin Abd. Ghafar dari Sekolah Pengkalan Batu ka-Sekolah Dato Gandi menjadi Guru Besar; 23. Ibrahim bin Abdullah dari Sekolah Pintu Malim ka-Sekolah Puni menjadi Guru Besar; 24. Umar bin Yahya dari Sekolah Muda Hashim ka-Sekolah Batu Marang menjadi Guru Besar; 25. A. Ahmad bin H. Mahmud dari Sekolah SUAS Muara ka-Sekolah Serasa menjadi Guru Besar; 26. Asma Khan bin Abdul Khan dari Sekolah A. P. Burong Pingai B ka-Sekolah Lambak menjadi Guru Besar; 27. Md. Daud bin Taha dari Sekolah Lela Menchanai ka-Sekolah Baru2 menjadi Guru Besar; 28. Zainal bin Abdullah dari Sekolah Bukit Sawat ka-Sekolah Bukit Sawat menjadi Guru Besar; 29. Abd. Wahab bin Abdullah dari Sekolah Labu Estate ka-Sekolah Masin menjadi Guru Besar; 30. Abd. Samad bin Abd. Kahar dari Sekolah SMJA ka-Sekolah Bukok menjadi Guru Besar; 31. Enran bin Taha dari Sekolah Lela Menchanai ka-Sekolah Kinua menjadi Guru Besar; 32. Ramli bin Tunggal dari Sekolah OKAWSD Kupang ka-Sekolah Bekiau menjadi Guru Besar; 33. Basri bin Haji Lahid dari Sekolah Penanjong ka-Sekolah Kampong Menengah menjadi Guru Besar; 34. Abd. Hamid bin Udin dari Sekolah Muda Hashim ka-Sekolah Pan-chong menjadi Guru Besar; 35. Ak. Ghani bin P. Metali dari Sekolah Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melilas menjadi Guru Besar; 36. Md. Noor bin Othman dari Sekolah Layong ka-Sekolah Sungai Damit Pemasang menjadi Guru Besar; 37. Abd. Rahman bin Othman dari Sekolah Sungai Kebun ka-Sekolah Labu Estate menjadi Guru Besar; 38. Md. Jali bin Radin dari Sekolah Labi ka-Sekolah AHMY Kati Mahar menjadi Guru Besar.

GURU2 DARI UNIVERSITY MALAYA

1. Abdullah bin Ali Hashim — Pejabat Pelajaran Brunei.
Pemangku Nadzir Pelajaran Dewasa.
2. Masri bin D. H. Md. Yusuf — Maktab Perguruan Melayu Brunei.
3. Hamdan bin Md. Said — Maktab Perguruan Melayu Brunei.
4. Juned bin Mustafa — Sekolah Menengah Melayu Brunei.
5. Tengah bin Abdul Latif — Sekolah Menengah Melayu Brunei.
6. Md. Noor bin Chuchu — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

PERUTUSAN DALAM SASTERA LAMA

oleh Mahmud Bakyr

BEBERAPA minggu yang lalu, saya telah menegaskan bahawa dewasa ini peninjauan kembali tentang kajian sastera lama itu perlu di-lakukan. Dan saya juga menegaskan, supaya kajian itu jangan sampai terbabas ka-daerah yang kabur dan tak dapat membayangkan watak bangsa yang melahirkan sastera itu, perlu ada pada seorang pengkaji penemuan (approach) yang **sistematis**, dan sastera itu pula mesti di-kaji sesuai dengan zaman-nya di-lahirkan. Pegangan seperti ini penting memandang bahawa kebudayaan kita harus berkembang dan hidup sesuai dengan arus peredaran zaman yang sentiasa menggugat pikiran dan pergerakan manusia.

Kesedaran bahawa hidup ini mesti maju ka-muka mesti-lah ada tersemat di-dada sa-tiap bumiputera yang bertanggungjawab. Hakikat bahawa kemajuan dalam segala bidang harus menempoh pro dan kontra-nya tidak di-nafikan.

Dalam bidang kesusasteraan baik yang lama mau pun yang moden gejala2 baik dan buruk memang terdapat, dan hakikat ini-lah letak-nya tugas maha berat sa-tiap sasterawan dan penulis supaya lebih keritis dalam mengkaji, menyelidiki, menapis dan menyaring kembali segala karya2 sastera yang sudah di-hasilkan itu. Di-sini tulisan Dr. Syed Hussain Al-atas dalam Majalah Angkatan Baru keluaran Oktober, 1965, mengenai gejala2 tak sehat yang terdapat dalam **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah** itu dapat di-ambil sa-bagai contoh dalam apa yang saya katakan pengkajian yang mempunyai penemuan (approach) yang sistematik itu.

Dalam hal ini pun tulisan Dr. Syed Hussain Al-atas itu jangan-lah pula di-telan bulat2 tanpa di-beri pertimbangan yang sewajarnya dari otak dan ilmu pengetahuan yang ada pada kita. Kerana sastera itu merupakan salah satu cabang ilmu, dan sa-tiap ilmu mesti la teori dan **hypothesis** yang tak semesti-nya seratus peratus betul.

Tulisan ini saya maksudkan hendak mencari sedikit sebanyak perutusan2 dalam sastera Melayu lama yang tak dapat di-lihat dengan pembacahan sa-kali imbas saja. Kita sama2 faham bahawa bagi setengah pembacha masyarakat moden sastera lama itu membosankan. Sikap begini tak dapat di-salahkan kerana pada hakikat-nya sastera lama memang membosankan bagi pembacha masyarakat moden yang sudah begitu mesra dengan buku2 sastera dalam bentuk nobel, drama, cerpen dan sajak yang jauh lebih maju di-

bandingkan dengan Hikayat2, Cherita2 Binatang, Cherita2 Berbingkai, Cherita2 Panji, Cherita2 Penglipor Lara, Cherita2 Jenaka dan lain2. Satu sebab lagi mengapa sastera lama itu tak di-gemari oleh pembacha masyarakat moden ia-lah suasana, bahasa, teknik dan tema sastera itu sudah jauh terchilir ka-belakang dari sastera yang di-hasilkan pada zaman ini.

Tetapi pada hemat saya menyesuaikan langsung hasil sastera lama itu ada-lah tidak wajar malah ada-lah kerugian besar terhadap perkembangan pemikiran bangsa kita. Sastera Melayu moden tidak tumbuh dengan sendiri-nya malah ia ada-lah sambongan dari pertumbuhan sastera lama itu walaupun sambongan itu tidak begitu jelas di-lihat.

Abdullah Munshi di-katakan pelopor sastera moden kerana ia memisahkan antara yang lama dan moden, tetapi ia tak dapat di-katakan pembawa garis tajam antara lama dan moden kerana dalam karya-nya itu tersua lebih banyak yang lama daripada yang moden. Dalam ulasan Prof. Teeuw tentang nobel Arena Wati "Lingkaran" ia berpendapat bahawa teknik "Lingkaran" ia-lah dalam bentuk berbingkai dan kita tahu teknik berbingkai ini paling lumrah dipakai dalam sastera lama.

Dalam bidang cerpen moden pula pengaruh teknik penulisan Abdul Rahim Kajai yang tebal dengan unsur2 khutbah dan didaktik itu masih luas di-pakai oleh penulis2 muda masa ini walau pun sudah ada ASAS '50 dan penulis2 yang menggelarkan diri mereka golongan "nefo". Dari contoh di-atas jelas-lah bahawa titisan darah antara sastera lama dan moden itu masih ada, dan apa yang berubah hanya-lah penemuan (approach) melahirkan sastera dan keadaan keliling yang membentuk peribadi pengarang sehingga ia melahirkan karya sedemikian rupa yang bagi masyarakat pembacha masa ini agak membosankan. Tetapi ini tidak bermakna sastera lama itu tak punya nilai langsung, malah lebih dari itu kalau kita seorang pembacha yang keritis.

Kalau di-tilek dari kachamata moden saya bersetuju dengan pendapat Dr. Syed Hussain Al-atas bahawa aliran pikiran dalam **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah** itu tidak sehat untuk pertumbuhan kebudayaan Melayu masa ini. Tetapi apa yang saya ragu-kan tentang tinjauan beliau ini ia-

lah beliau tidak menilek kedua buku ini dari segi sastera. Kerana kalau kita kaji keduanya dari kacamata sastera apa yang di-harapkan oleh Dr. Syed Hussain Al-atas itu sudah terjawab.

Untuk jelas lagi chuba dulu kita kaji manusia pengarang itu dari segi ilmu jiwa (psychology). Menurut sa-orang pakar ilmu jiwa, Carl Jung, manusia itu dapat di-bahagikan kepada dua kelompok — kelompok **introvert** dan kelompok **extravert**. Manusia **introvert** kata-nya bersifat negatif apabila berhadapan dengan masaalah2, dan manusia **extravert** pula bersifat positif dan tidak ragu2 mengeluarkan pendapat2-nya. Dalam karya sastera yang sebahagian besar membayangkan peribadi penchipta-nya itu kedua-dua sifat manusia ini jelas nampak. Manusia **introvert** menulis dalam bentuk objektif ia-itu penulis tanpa memaparkan perasaan penulis, dan ini berbedza dengan manusia **extravert** yang menulis dengan penuh pendapat dan perasaan.

Saya mendapat kesan bahawa pada keseluruhan kedua buku **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah** itu di-tulis oleh manusia2 **introvert** — manusia2 yang penuh sinis yang menchurahkan isi hati mereka berselindung di-sebalek penulisan yang objektif itu. Tegasnya, beralatkan penulisan mereka yang menggambarkan segala peristiwa yang berlaku dalam sejarah itu, mereka mau masyarakat pembacha untuk menjadi pengadil siapa-kah yang benar dan siapa pula yang salah atau siapa yang pula di-sanjong tinggi dan siapa pula yang mesti di kutok. Dan dari isi kedua buku **Sajarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah** ini kita dapat merasakan di-mana letak-nya simpati pengarang.

Ada-lah satu perkara di-luar otak yang sehat sekira-nya pengarang2 yang melahirkan dua buku yang tebal dan berisi padat dengan butir2 sejarah ini tidak dapat berpikir bahawa membunuh dan mengambil isteri orang itu tanpa alasan2 yang kukuh ada-lah salah dipandang dari segi apa pun.

Tentu-nya mereka selaku manusia pengarang yang berjiwa seni juga merasakan perbuatan2 itu ada-lah salah tetapi oleh kerana keadaan zaman mengongkong mereka terpaksa-lah mereka menulis sechara objektif saja, dan dalam ka-objektif ini-lah mereka menyelitkan sindiran2 yang tajam dan bisa. Dalam bahasa Melayu bentuk tulisan seperti ini banyak terdapat

malah kita amalkan sehari-hari. Sebagai contoh: kalau kita hendak menyindir seorang yang malas, chulas, dan chuai dalam pelajaran-nya, kita katakan: wah, awak ini rajin, malam2 ada saja awak di-pang-gong wayang.

Dalam buku **Sejarah Melayu** bentuk bahasa seperti ini yang membawa anasir sindir banyak terdapat. Sebagai contoh, kisah Sultan Mahmud hendak meminang Puteri Gunong Le-dang. Di-antara syarat2 yang di-kenakan oleh puteri itu kepada Sultan Mahmud ia-lah darah raja sa-mangkok, dan darah anak raja yang bernama Raja Ahmad sa-mangkok.

Apabila mendengar syarat2 ini Sultan Mahmud berkata: "Semua-nya kehendak-nya itu dapat kita adakan; mengeluarkan darah itu juga tiada dapat" (m.s. 179). Alang-kah tajam sindiran di-sebalek kata2 yang sedarhana ini! Lagi, Tun Biajid ia-lah anak kepada Laksamana Hang Tuah. Semasa ini bertugas di-Merba Sultan Mahmud mengambil kesempatan berlaku churang terhadap isteri-nya.

Apabila hal ini sampai ka-pengetahuan Tun Biajid lalu ia berkata: "Hei Sultan Mahmud, demikian-lah pekerjaan tuanhamba akan hamba? Sayang tuanhamba tu pada hamba; jikalau tuanhamba bukan tuhan pada hamba, jika tiada lembing ini ku tumbukkan di-dada bukan-nya hamba anak laki2" (m.s. 159). Dari peristiwa ini tidak-kah dapat menilai watak Sultan Mahmud? Lagi, Raja Zainal, saudara kepada Sultan Mahmud, di-katakan sa-orang yang lawa dan banyak anak2 dara dan isteri2 orang gilakan-nya.

Mendengar hal ini Sultan Mahmud merasa tak senang hati lalu di-suroh-nya bunoh Raja Zainal kepada seorang yang bernama Hang Berkat. Apabila kematian Raja Zainal di-riohkan orang Sultan Mahmud pura2 tekejut, dan beberapa hari berselang Hang Berkat (pembunoh tadi) di-beri penghormatan dan di-gelar oleh Sultan Mahmud sebagai Sang Sura (m.s. 194).

Satu lagi contoh yang membawa sindiran yang tajam ia-lah kisah Singapura di-langgar tudak. Hasil nasihat sa-orang budak supaya rakyat Singapura bertahanan batang pisang bahaya serangan tudak itu dapat di-patahkan tetapi akhir-nya budak yang berjasa ini di-suroh bunoh oleh Sultan Singapura dengan alasan ia "berakal besar". Pengarang **Sejarah Melayu** berkata tentang pembunuhan budak yang tak berdosa ini begini: "Ada pun tatkala budak itu di-

(Lihat Muka 8)



Gambar kiri ia-lah pegawai2 penghapus Malaria ia-itu dari kanan Dr. Y. T. Wu, Pegawai Penghapus Malaria Kerajaan Brunei; Awang H. K. Chang dan Dr. M. Miyairi kedua2-nya dari Pertubuhan Kasehatan Sa-Dunia, P.B.B.



Sa-belum pasokan pemanchut DDT menjalankan tugas di-kampung2, latehan2 terlebih dahulu diberikan.

GERAKAN MENGHAPUSKAN MAL

SA- HINGGA hari ini beratus2 buah rumah di-Daerah Brunei dan Muara telah dipanchut dengan ubat DDT dalam ranchangan Kerajaan bagi menchegeh penyakit Malaria di-negeri ini.

Ranchangan ini di-lancarkan dengan kerjasama dari Pertubuhan Kasehatan Sa-Dunia ia-itu sa-buah pertubuhan kasehatan yang dibawah kelolaan Pertubuhan Bangsa2 Bersatu.

Dua orang pegawai yang pakar mengenai penyakit Malaria itu telah di-datangkan dari pertubuhan tersebut.

Mereka itu ia-lah Dr. Miyairi, Penasehat Kanan Malaria, Pertubuhan Kasehatan Sa-Dunia dan Awang H. K. Chang sa-orang penasehat mengenai kebersihan dari pertubuhan tersebut.

Kedua2 mereka itu akan membantu Ketua Ranchangan Penghapus Malaria Kerajaan Brunei, Dr. Y. T. Wu

dalam menjalankan gerakan menghapuskan Malaria di-negeri ini.

Gerakan memanchut ubat DDT itu telah mula di-lancarkan di-daerah Brunei menurut jadual yang telah ditetapkan dan jadual2 gerakan itu dapat di-dengar melalui pengumuman khas Radio Brunei dari masa ka-masa.

Bagi melichinkan usaha2 ini kerjasama dari orang ramai ada-lah perlu dan mereka ada-lah di-kehendaki berada di-rumah sa-kurang2-nya sa-orang dari ahli mereka. Jika ada perkara yang mustahak yang mengkehendaki semua ahli2 keluarga sa-sabuah rumah itu terpaksa keluar, maka ada-lah di-nasehatkan supaya anak kunchi rumah mereka di-serahkan kepada Ketua Kampong atau jiran2 yang berdekatan.

Dengan jalan itu nanti, apabila pegawai2 dari Jabatan Penghapus Malaria datang

ka-rumah2 tersebut, maka tugas mereka akan senang di-jalankan dan penyakit Malaria tidak akan bermahraja lela.

Kerja2 memanchut ubat DDT itu akan berjalan selama kira2 30 minit bagi tiap2 buah rumah.


Gerakan memanchut dari rumah ka-rumah itu telah di-jalankan sejak 1 Februari yang lalu dan gerakan pertama ini akan tamat pada bulan Mach akan datang. Setelah itu gerakan kedua dan selanjut-nya akan di-lancarkan kelak.

Dalam gerakan dari Februari ka-Mach itu, sa-banyak empat pasokan pemanchut akan menjalankan tugas mereka.

Bagi membiayai ranchangan ini, Kerajaan telah membuat satu peruntukan perbelanjaan yang besar ia-itu sa-banyak \$5,504,630 dan gerakan itu akan berjalan sa-hingga



Sa-orang kaki tangan laria, Dayang Mainu darah yang di-chalik kuman



DDT di-panchutkan bukan hanya dalam dan luar rumah, bahkan di-pondok2 ternakan. Reban ayam ini juga terpaksa di-panchuti DDT.





Sa-orang ketua pasokan rombongan pemanchut sedang menunjokkan kapada pekerja ini tempat2 yang mustahak di-panchuti DDT.



IA DI-SELUROH NEGERI BRUNEI



tahun 1970.

Baharu2 ini kita telah berpeluang mengikuti gerakan memanchut ubat DDT itu dan sempat bertemu ramah dengan beberapa orang ahli2 di-rumah2 yang telah kita kunjongi.

Mereka amat gembira apabila kaki tangan Jabatan Penghapus Malaria itu mengunjongi rumah mereka dan memanchut ubat DDT di-seluroh kawasan keliling rumah sa-hingga-lah membawa ka-reban2 ayam dan pundok2 ternakan.

Beberapa hari sa-belum kaki tangan jabatan itu sampai ka-rumah2 mereka, maka pada tiap2 petang mereka terpaksa bekerja keras mengumpulkan sampah sarap, menebang nebas rumput rampai dan memotong ranting2 kayu untuk di-jadikan 'ununan' yang akan mengeluarkan asap bagi menghalau nyamok2 supaya tidak masok ka-rumah

dan mengganggu penghuni-nya yang menyebabkan tidor pun tidak nyenyak.

Sambil itu juga, nasehat2 telah di-berikan kapada mereka supaya menjaga kebersehan kawasan perumahan. Rumpun rampai jangan di-biarkan tumbuh tinggi, sampah sarap jangan di-biarkan bersepah2, benda2 yang menekong ayer saperti tin2 kosong hendaklah di-tanam dan lopak2 yang menekong ayer mesti-lah di-timbus.

Bagitu juga tempat2 yang lembab dan mengeluarkan sajenis bau yang meloyakan, maka hendaklah di-ikhtiar-kan supaya jangan sampai berminggu2 keadaan serupa itu terbiar.

Tiap2 penduduk yang di-kunjongi oleh pasokan pemanchut itu telah memberikan kerjasama, kerana mereka menyedari betapa mustahak-nya kasehatan bagi sa-saorang dan ra'ayat sehat ne-

gara pun sehat.

Gerakan menghapus Malaria ini, bukan-lah hanya satakak memanchut ubat DDT sahaja, bahkan banyak gerakan2 yang lain yang mesti pula di-laksanakan.

Darah bagi tiap2 orang yang di-shaki mengidap penyakit itu tidak kira kanak2 atau orang2 dewasa, terpaksa di-suntik yang kemudian-nya akan di-bawa ka-pusat penye-lidekan Malaria untok di-pe-reksa.

Rawatan yang perlu akan di-kenakan kapada orang2 yang di-shaki mengidap penyakit itu.

Ibu Pejabat Penghapus Malaria ini bertempat di-Batu 4 Jalan Berakas, ia-itu di-simpang tiga antara jalan2 ka-Muara, ka-Berakas Pasir dan ka-Bandar Brunei.

Oleh: **Ahmad Arshad**

Gambar2: **Sharbini Taha**

idekan Kuman Ma-
sedang memereksa
untok menentukan
larah.



Ahli2 pemanchut ini sedang menyampur DDT dengan ayer sa-belum di-panchutkan ka-tempat2 yang tertentu.



Sa-orang ahli peman-
chut DDT sedang
menjalankan tugas.



TAWARAN TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-jemput untuk memenohi Canteen di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Belait, Kuala Belait.

2. Canteen ini mempunyai alat perkakas kerusi dan meja.

3. Orang lain atau beraleh tangan kepada sa-saorang ada-lah tidak di-benarkan untuk menjalankan jualan ini, kecuali daripada permohonan yang berjaya itu sendiri.

4. Bayaran sewa untuk tempoh 1 tahun hendak-lah terlebih dahulu di-jelaskan sebelum kebenaran di-beri untuk memulakan penjualan di-Canteen tersebut.

5. Canteen ini hanya di-hakikan kepada Kaki Tangan2 Kerajaan. Dan tidak terbuka kepada orang2 awam, kecuali seperti syarat2 yang tersebut di-bawah ini:

i) Pada orang2 yang mempunyai urusan dengan Kerajaan dalam masa pejabat di-buka.

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor2 kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalhah, 15 Februari, 1966 bagi:—
MEMBINA SA - BUAH ELECTRIC SUB-STATION 11 KV STANDARD DI-KAWASAN PERUMAHAN, BATU 2½ JALAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Pelan2 dan Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sa-banyak \$250.00 (Dua Ratus Lima Puluh Ringgit).

4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya sa-lepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menulak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MEMBINA ELECTRIC SUB-STATION DI-KAWASAN PERUMAHAN, JALAN BERAKAS, BRUNEI" dan di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

ii) Kaum pekerja yang berkhidmat dengan Kerajaan.

6. Canteen ini hanya di-buka dari jam 7.00 pagi hingga 4.00 petang.

7. Permohonan yang berjaya mesti-lah mempunyai chukop pekerja2 pelayan untuk menjayakan Canteen.

8. Pemborong (Contractor) ada-lah di-kehendaki mengadakan jualan minuman2 ringan dan makanan2. Minuman dan makanan2 yang di-tegah oleh Ugama Islam tidak boleh di-

jual di-Canteen ini.

9. Permohonan yang berjaya hendak-lah bertanggong jawab atas bayaran gas sahaja. Bayaran lampu dan ayer tidak di-kenakan, tetapi walau bagaimanapun apabila menggunakan lampu dan ayer hendak-lah dengan chermat.

10. Pemohon yang berjaya akan di-beri satu lesen berniaga di-Canteen sa-lama 1 tahun dari mula dia-nya menjalankan penjualan-nya. Dan juga di-kehendaki untuk me-

menohi permintaan dan arahan dari masa ka-masa yang di-beri oleh Pegawai Daerah, Belait berhubung dengan menjayakan Canteen tersebut.

11. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan "CANTEEN DI-BANGUNAN PEJABAT2 KERAJAAN BELAIT. Dan sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei sahingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin 28 Februari, 1966.

12. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

13. Tawaran yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

14. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sebarang rendah sekali atau sebarang tawaran. Dan pertimbangan akan di-beri kepada si-pemohon yang di-fikir mempunyai perkhidmatan yang berkelayakan. Maka oleh itu adalah mustahak-nya bagi pemohon menyatakan pengalaman-nya untuk menjayakan urusan Canteen tersebut.

JAWATAN2 KOSONG: DI-JABATAN BANDARAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 berikut di-Jabatan Bandaran Brunei:-

(a) **TRADESMAN TINGKAT KHAS** (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$380 x20-480.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan berkelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris. Berpengalaman selama lapan tahun sebagai Tradesman.

(b) **PENYELENGGARA SEKTOR TINGKAT III** (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$200 x10-330.

Kelayakan2: Berumur tidak kurang dari 20 tahun dan berkelulusan sekurang2-nya darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Februari, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

JAWATAN KOSONG: JURUTERA

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Jurutera dalam Perjawatan Kejuruteraan Awam di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Chalon2 yang di-lantek akan bertanggung jawab merancang pembikinan dan menjaga jalan2 raya dan jambatan2, bangunan2, tali ayer dan kerja2 di-kawasan pembangunan, benaan, dan lain2 perkhidmatan Kejuruteraan Awam dan sebagai-nya yang di-bawah jagaan Jabatan Kerja Raya.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Mesti-lah lulus Bahagian2 I dan II peperiksaan 'Institution of Civil Engineers' atau mempunyai Ijazah Kejuruteraan atau diploma dari sa-buah Universiti atau Maktab yang di-akui yang membebaskan dari peperiksaan2 ini.

Setelah memperolehi kelayakan tersebut chalon2 mesti-lah berpengalaman selama tidak kurang dari dua tahun dalam bidang Kejuruteraan Awam, perancangan, pembentokan, dan pembangunan, dalam mana satu tahun dari-nya ia-lah pengalaman bekerja di-luar pejabat.

Umur tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan berbahasa Melayu ada-lah satu keuntongan.

Gaji: Dalam sukatan mata wang

Malaysia \$1020 x 40-1620 x 50-1820 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada

Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir lanjut mengenai chuti, tambang, dll., boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1966.

PEGAWAI IMIGRESEN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 lelaki yang menjadi ra'ayat DYMM Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi 5 jawatan kosong sebagai Pegawai Imigresen di-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2: (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhidmat di-Pepabot Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan juga di-pertimbangkan.

(b) Umur di-antara 17 dan 25 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas dimana2 tempat dalam Negeri ini.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.1. 2 - 3 - 4 \$210 x 10 - 270 x 15 - 360x20 - 620.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Februari, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.



AWANG M. S. BAKRY

Awang M. S. Bakry, dari Daerah Brunei dan Muara, telah berjaya menyandang tiga gelaran dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 yang telah di-langsungkan di Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin baru2 ini. Gelaran2 itu ia-lah:

- * Naib Johan Penyanyi Lelaki Yang Terbaik Sekali.
- * Johan Langgam Bahagian Lelaki.
- * Naib Johan Asli Bahagian Lelaki.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO



Datin Zubaidah, ia-itu isteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei, kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Perisai kepada Dayang Zainon Jamil di-temasha Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 baru2 ini. Zainon Jamil telah menyandang gelaran Johan Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 Bahagian Wanita. Ia juga telah menjadi Johan Langgam dan Asli, Bahagian Wanita dalam pertandingan tersebut.



DAYANG THAIBAH HAJI ABDUL RAHIM

Dayang Thaibah Haji Abdul Rahim, dari Daerah Temburong telah juga berhasil memperolehi tiga gelaran dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 baru2 ini, ia-itu seperti berikut:

- * Naib Johan Penyanyi Wanita Yang Terbaik Sekali.
- * Naib Johan Langgam Bahagian Wanita.
- * Naib Johan Asli Bahagian Wanita.

TAWARAN TAWARAN DAN JAWATAN2 KOSONG

SABARANG pedagang tempatan ada-lah di-pelawa untuk menghantar satu tawaran bagi mengadakan makanan dan minuman (barang2 mantah sahaja) untuk seramai 50 orang penuntut2 Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah dalam tahun 1966, dengan syarat tawaran demikian hendak-lah sampai kepada Tuan Pengurus Lembaga Tawaran, Brunei, di-alamat Pejabat Kewangan Negara, di-tingkat bawah Bangunan Besar Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei, tidak lewat jam 4.00 petang, 21 Februari, 1966.

Sabarang tawaran hendak-lah di-kirinkan dalam sampol surat yang bertutup rapat dan hendak-lah di-kirinkan kepada Pengurus Lembaga Tawaran di-alamat tersebut di-atas.

Hendak-lah tidak ada sabarang tanda2 yang menunjokan nama si-penawar di-atas sampol surat tersebut melainkan tanda: "Tawaran mengenai ba-

rang2 mentah untuk makanan 50 orang Penuntut2 Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah".

Kerajaan tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang paling murah sekali.

Penawar yang berjaya akan mulai mengadakan barang2 tersebut pada 1 Mach, 1966.

JENIS MAKANAN DAN MINUMAN

1. Beras; 2. Daging (mantah); 3. Ikan (mantah); 4. Udang (mantah); 5. Sayor (mantah); 6. Rati paun; 7. Milo; 8. Susu manis; 9. Gula; 10. Ovaltine; 11. Kueh atau Roti; 12. Buah2an (saperti apple, limau manis atau pisang); 13. Mentiga; 14. Kaya; 15. Jim; 16. Kiju (Cheese); 17. Telor; 18. Minyak Makan; 19. Kari (curry); 20. Lada; 21. Bawang; 22. Beberapa ramuan masakan yang kecil2 yang perlu yang tidak di-sebutkan di-sini.

PEGAWAI2

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y. M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Pejabat Kastam, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Form III atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris. Calon2 mesti-lah sanggup memakai pakaian seragam dan bersedia untuk di-tempatkan di-sebarang daerah di-negeri ini dan bekerja bergilir2. Umur di-antara 18 dan 28 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10-270x

KASTAM

15-315/EXAM/330x15-360 x 20-420/BAR/440 x 20-560/BAR/580 x 20-620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Februari, 1966.

MERINYU KESEHATAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun, dan mereka mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau berhak untuk di-daftarkan sedemikian.

Pemohon2 mesti-lah lulus Pereksaan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian (Credit) dalam bahasa Inggeris, dan sama ada dalam Ilmu Science atau General Science.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berbahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan \$240x10-260 - 280.

Calon2 yang terpilih akan dilantik sechra perchubaaan selama tiga tahun dan mesti-lah memperolehi Sijil "THE ROYAL SOCIETY OF HEALTH" dalam tempoh tersebut. Calon2 ini akan di-hantar ka-Singapura atau Malaya untuk mengikuti kursus dengan perbelanjaan Kerajaan.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhid-

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran Brunei daripada kontrektor2 kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalhah, 15 Februari, 1966 bagi:

MEMBUAT 210 BATANG PRE-CAST R.C. GALAGAR DECK JAMBATAN.

2. Pelan2 dan Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sa-banyak \$250.00 (Dua Ratus Lima Puloh Ringgit).

4. Wang chengkeram akan di-kembali-kan kepada penawar2 yang tidak berjaya sa-lepas keputusannya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menulok kejayaannya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MEMBUAT 210 BATANG PRE-CAST R.C. GALAGAR DECK JAMBATAN" dan di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang dibuat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

Peraduan Membacha Sajak Anjoran

K.P.P.S.K.



Penulong Menteri Pos dan Kebajikan, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada

Awang Satri bin Awang Damit, seorang peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Sajak anjoran Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan baru2 ini.

Jadual Lawatan Rombongan Penghapus Malaria

BANDAR BRUNEI. — Jadual lawatan Rombongan Penghapus Malaria ka-beberapa tempat di-Daerah Brunei mulai hari Khamis 10 Februari hingga ka-hari Rabu 16 Februari ada-lah seperti berikut:

10 Februari: Kampong2 Delima Dua, Tanah Jambu dan Pelambayan. 11 Februari: Kampong Delima Dua dan Tanah Jambu. 12 Februari: Kam-

pong2 Delima Dua dan Tanah Jambu. 13 Februari: Kampong2 Delima Dua dan Tanah Jambu.

14 Februari: Kampong2 Telanai, Delima Dua, Tanah Jambu dan Sigundang. 15 Februari: Kampong2 Madewa, Delima Satu, Mentiri dan Serdang. 16 Februari: Kampong2 Padang Bunut, Delima Satu, Kapok dan Puduk.

Sastera Lama

(Dari muka 3)

bunoh, maka hak **rasa-nya** ditanggungkan-nya atas negeri Singapura" (m.s. 58). Perkataan 'hak rasa-nya' itu sungguh tajam dan merupakan ramalan yang paling jitu kerana tidak lama sa-lepas kejadian itu Singapura pun jatuh ka-tangan orang2 Majapahit.

Dari beberapa contoh tadi tidak-kah kita masyarakat pembacha dapat meneropong perutusan di-sebalek kesah2 yang di-cheritakan itu? Apakah kedua buku **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah** itu s e m a t a - m a t a mengagong-agongkan kedudukan raja2 Melayu atau sebak-nya? Pada hemat saya jawaban ka-

HARGA BARANG2 DAGANGAN

PENGAWAL Kastam, Brunei, telah menetapkan bagi tujuan mengenakan chukai barang2 yang di-sebutkan ini, mulai dari dan termasuk 7 Februari, 1966:

Lada Puteh \$191.40 sa-pikul dan Lada Hitam \$136.40 sa-pikul.

pada soalan2 ini akan terjawab kalau kita membacha-nya sechara keritis dan mempunyai penujuan (approach) yang tertentu pula.

PERANGKAB Berhari Raya Dengan Gembira

KAMPONG BURONG PINGAI. — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas, BRUNEI (PERANGKAB) telah mengadakan satu majlis sambutan Hari Raya Aidil Fitri baru2 ini di-Kampong Burong Pingai Darat.

Ramai ahli2 PERANGKAB dan para jemputan telah hadir di-majlis itu serta juga mengambil bahagian dalam berbagai2 acara.

Di-antara acara2 tersebut ia-lah "Mang In Nam Bang" di-bawah kelolaan Guru Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti; Duga Akal Geliga; Peraduan Merebut Kerusi; Peraduan melangkah botol2 dengan menutup mata; Peraduan menyerahkan bungkusan dari sa-orang ka-sa-orang; Peraduan berbalas pantun; Persembahan2 nyanyian2, dan tarien2.

Satu acara yang menarik perhatian di-temasha tersebut ia-lah Chabutan undi kertas acara yang "bernasib baik". Tiap2 orang yang hadir di-majlis tersebut, ia-itu ahli2 PERANGKAB dan jemputan, telah di-berikan kertas acara2 yang di-jalankan di-majlis tersebut. Di-tiap2 kertas itu telah di-tulis satu nombor. Barang2 yang istimewa telah di-hadiahkan kepada para hadirin yang mempunyai "Kertas2 yang bernasib baik" itu.

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN — Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan telah mengadakan satu majlis sambutan Hari Raya Aidil Fitri di-Pejabat KPPSK pada malam 30 Januari, 1966, mengandungi berbagai2 acara. Di-antaranya ia-lah Bachaan Al-Koran, Nashid dan Peraduan Membacha Sajak

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Penulong Menteri Pos dan Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Md. Limbang; Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Awang H. M. Salleh; Yang Di-pertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar; Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Sungai Kedayan, Awang Md. Taib bin Haji Mohamed Salleh; Yang Di-pertua KPPSK, Awang Md. Yassin Said dan oleh Pengerusi Majlis tersebut, Awang Md. Taib Sulaiman.

Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil dan Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Keputusan Peraduan Membacha Sajak tersebut ada-lah seperti berikut:—

Pertama — Dayang Aminah Umar. *Kedua* — Dayang Latifah Haji Yaakup. *Ketiga* — Dayang Habsah Awang Halim. *Ke-empat* — Awang Satri bin Awang Damit. *Kelima* — Awang Ghafar Haji Ma'amor dan *Ke-enam* — Awang Ismail bin Awang Damit.

Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Md. Limbang telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan Do'a Selamat oleh Ustadz Haji Khalidi.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Yang Dipertua PERANGKAB, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan oleh Setia Usaha PERANGKAB, Awang Abdul Wahab Tengah.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Guru Ugama, Sekolah Ugama Amar Pahlawan, Burong Pingai Berakas, Chegu Abdullah.

Sambutan Hari Raya Di-Kampong Ujong Tanjong

KAMPONG UJONG TANJONG. — Pemuda2 dan pemudi2 Kampong Ujong Tanjong telah menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada penghujung bulan Januari yang lalu.

Di-antara acara2 yang telah di-langsungkan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan Nyanyi Kanak2 Lelaki dan Perempuan; Peraduan Nyanyi Lelaki dan Perempuan Dewasa; Peraduan Pakaian Beragam, Peraduan Feshen Perempuan dan lain2-nya.

Pengerusi Majlis itu, Awang

Ratu
Rumah Sakit



DAYANG SAINAH YUSOF

Dayang Sainah Yusof, sa-orang Jururawat di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah berjaya menyandang gelaran sa-bagai RATU RUMAH SAKIT tahun ini. Peraduan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Kaum Muslimin dan Muslimat, Pejabat Perubatan dan Kesihatan Brunei sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada malam 29 Januari, 1966. Peraduan Ratu Rumah Sakit itu telah dipengadilkan oleh Awangku Idriss bin P. K. I. Haji Mohamed, Dayang K. C. Mathews, Dayang Rokayah Idris dan Awang Zain Ariff

CHATETAN: Dayang Sainah Yusof telah meninggalkan ka-kemunchak Peraduan Ratu Rumah Sakit Brunei pada tahun ini. Dalam peraduan tersebut pada tahun lalu, Dayang Sainah telah mendapat gelaran Naib Johan. Selain dari memperoleh gelaran2 tersebut, Dayang Sainah telah menyandang gelaran sa-bagai RATU CHANTEK dalam satu peraduan kechanteakan di-Kuala Belait kira2 empat tahun dahulu.

Abu Bakar bin Awang Abdul Hamid ketika memberi ucapan di-majlis tersebut telah mengucapkan terima kasih kepada dermawan2 dan juga kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Majlis Sambutan tersebut terhadap kerjasama mereka untuk menjayakan majlis itu.

Pencharagam Surya Ria, dengan di-ketuai bersama oleh Mohamed Kassim Haji Ahmad dan Ashari Mohamed Taha telah bermain di-majlis tersebut